

DUNIA PENGETAHUAN

PETA DUNIA

KHIDMAT ORANG-ORANG ISLAM DALAM ILMU ALAM

Pengembara-pengembara Islam bukan sahaja telah memberi maklumat-maklumat yang penting kepada orang-orang Barat berkenaan Timur jauh dan keperluan Melayu, bahkan juga mereka telah mengunjungi Pulau-pulau Inggeris dan telah menyingkap rahsia yang menyelubungi pulau-pulau Baltik – kata “M. J. Boemer” seorang ahli pengetahuan Belanda yang terkenal. Karangan ini telah diterjemahkan oleh “Tirtuat Mojo” dan ulasannya kita petik dari majalah Hikmah, Jakarta.

Peta Dunia zaman Farab

Keterangan yang penting tentang “peta dunia” pada zaman Farab ialah berhasil dari tangan “Claudius Ptolomius”; Dialah orang pertama yang membuat “peta dunia” menurut peraturan ilmu pengetahuan. Meskipun pengetahuannya tentang benua Eropah hanya sedikit jua sehinggalah negeri Sweden dikatakan sebuah pulau, tetapi walau bagaimanapun dialah orang yang pertama dalam sejarah ilmu bumi yang telah mengetahui di mana letaknya hulu sungai Volga.

Afrika masih sedikit dikenal orang pada masa itu. Di mana letak mata air sungai Nil pada masa itu masih belum diketahui. Sementara itu orang menyangka bahawa hulu sungai Nil itu ialah dari laut. Berdasarkan atas berita-berita yang disampaikan oleh saudagar-saudagar sungai Nil terletak jauh di tengah-tengah benua Afrika, suatu pendapat yang ternyata benar.

Saudagar-saudagar dan ahli-ahli pengetahuan Greek dan Rom telah mengetahui dengan betul akan pantai-pantai semenanjung Arab

dan tempat yang ditinggalkannya semenjak Negara Parsi ditolak oleh Iskandar Zulkarnain, orang sudah mengenal baik-baik daerah ini.

Kesimpulannya dapat dikatakan bahawa peta dunia lama pada zaman perkembangan peradaban Greek dan Rom adalah meliputi dua pertiga dari benua Eropah, seperempat bahagian dari di Barat dia di benua Asia dan sepertiga benua Afrika di bahagian utara.

Bangsa Arab Dalam Sejarah

Riwayat timbulnya kebudayaan Islam yang demikian dirasanya adalah suatu peristiwa yang sangat menakjubkan dalam sejarah dunia.

Kira-kira pada tahun Masihi 622, mulailah orang Islam menkluk negara-negara baharu. Kemajuan-kemajuan mereka di bawah panji-panji tetap merupakan suatu perkembangan agama yang sangat besar yang pernah berlaku, bahkan perang-perang salib yang terjadi kemudian, jika dibandingkan tidaklah akan dapat menyamainya, kekuasaan orang Islam telah meliputi timur lalu membawa ke timur di sempadan

negeri China di barat sampai ke negeri Perancis
iaitu Santok ke pergunungan “Prenne” setelah besar jaya
menolak seluruh Afrika atau dan semenanjung Spain.

Dengan jatuhnya negeri-negeri yang tersebut ke dalam
faedah yang besar dari ilmu kepandaian umat-umat yang berbaga-bagai
bangsa dan berbaga-bagai pula bentuk tamadunnya itu dan dengan
itu timbullah tamadun Islam dan terkembanglah peradabannya
dalam zaman Islam yang keemasan setelah orang-orang Islam
bertanggungjawab lumus membongkar, menyelidik ilmu
pengetahuan dan mencipta sendiri.

Peta Dunia Buatn Bangsa Arab

Tidak satu bangsa pun yang pernah berada di dalam
suatu keadaan yang lebih baik serta lebih menguntungkan
bagi menyelidikki dunia lama kecuali bangsa Arab.

Kerajaan Islam terbentang dari sungai Sindhu
dan Siddrya hingga semenanjung Sepanyol, dan dari
penaklukan-penaklukan yang selalu terjadi itu telah memajukan
alam bumi atau alam-alam. Khalifah-khalifah Islam juga
tidak lupa memerintahkan persuruhjaya-pesuruhjaya dalam negeri-negeri
Islam sampai menghantarkan laporan-laporan dan berita-berita mengenai
ilmu alam berkenaan daerah-daerah pemerintahannya yang letak jauh.

Bahasa Arab – bahasa al-Quran telah memudahkan
orang-orang Arab keluar mengembara kemana sahaja dalam daerah-daerah
Islam, bahkan orang-orang Islam telah digalakkan sampai
berangkat mengembara merata-rata dunia dan salah seorang
di antara ahli alam bumi bangsa Arab telah mendasarkan
alam bumi itu kepada beberapa ayat Quran.

Sebenarnya dalam kalangan bangsa Arablah dapatnya pengembara-pengembara
dunia yang besar sepanjang masa. Di antaranya ialah Ibnu
Battutah yang telah mengunjungi tempat-tempat yang lebih banyak daripada
benua-benua yang pernah dikunjungi oleh Marco Polo dan
Henrich Barath.

Pengetahuan yang bangsa Arab telah memperluas batas dunia

lama di Eropah mereka mengenal Sepanyol dengan jalan menakluknya
dan mereka mengenal tanah Perancis dan Inggeris bukan
sahaja dari catitan-catitan orang Greek dan Rom tetapi
dengan jalan kunjungan pengembara-pengembara Islam. Al-Idrisi
telah mengunjungi pulau-pulau Inggeris. Menurut keterangan
pulau “Farur” yang sekarang terkenal dengan nama
“Ireland”

Demikian juga rahsia-rahsia pada masa dahulu
menyelubungi bila tika telah dibuka oleh orang-orang Islam hubungan-hubungan
perdagangan telah berjalan dari zaman Farab, dari
Turkistan dan Parsi hingga ke laut timur melalui
sungai Volga. Pada kurun yang lalu mata wang Arab dari
zaman itu telah dijumpai di Rusia dan Norway. Yaqut
al-Hamwi dalam kitab ilmu alamnya ada menyebutkan bandar-bandar
“Slovik” dan “Balkan” dan “Barqin” di Norway.

Teluk Baltik dianggap sebagai satu bahagian dari
laut kutub utara, kerana semenanjung Skandinavia
masih dipandang sebagai sebuah pulau.

Dengan deras bangsa Arab mengenal baik akan daerah-daerah
Bulgan dan daerah-daerah di sekeliling laut Caspian (Cozin).
Daerah-daerah Volga telah didapati oleh pengembara-pengembara Islam
Volga dan daerah-daerah di sekeliling laut Qazwin.
Daerah-daerah Volga telah didapati oleh pengembara-pengembara Islam seperti
Ibnu Fadlan, Madusi (?) dan Ibn Huqul.

Jalan ke negeri China dengan meredah padang-padang pasir
dan padang rumput dipinggir sungai Balkh telah dikenal
orang semenjak zaman Farab. Jalan itu sangat penting
bagi kebudayaan Timur dekat dan juga bagi Eropah.
Qabilah-qabilah unta sentiasa berulang alik ke negeri China
melalui jalan ini.

Bahan-bahan tentang keperluan Melayu yang kita dapati dari
orang-orang Arab itu berasal dari tiga kurun. Suatu
hal yang penting bagi sejarah alam bumi ialah apa yang telah
diceritakan oleh Sulaiman dan lain-lain pengembara ke negeri

China. Cerita-cerita itu telah dikumpulkan oleh Abu Said dari "Siraf", kira-kira dalam tahun 851 masihi. Bukan sahaja cerita-cerita pengembara Islam yang melalui jalan darat bahkan juga yang melalui jalan laut. Bandar "Siraf" yang terletak di Teluk Parsi menjadi tempat bertolak pengembara-pengembara Islam ke selatan negeri China dengan melalui Teluk Benggala dan Selat Melaka. Pelayaran ke pula-pulau Melayu biasanya melalui Silan (Ceylon)

Dengan jasa orang-orang Arab juga maka negeri China lebih banyak dapat dikenal dan dihebahkan. Dari pengembara-pengembara Arab banyak didapati cerita-cerita hingga daripadanya kita dapat membuat gambaran yang baik tentang keadaan kebudayaan China yang telah teratur dan sangat indahnyanya. Mereka juga telah agak mengenal dengan baik tentang negeri Tibet, sebuah negara yang hingga sekarang masih samar warta beritanya.

Orang-orang Arab juga telah memberikan banyak gambaran-gambaran bagi kita tentang kepulauan Sunda. Pada masa Sulaiman di kepulauan Sunda, terdapat suatu pemerintahan yang kuat di bawah kekuasaan seorang maharaja Jawa. Kerajaan ini meliputi Sumatera, sebahagian dari semenanjung Tanah Melayu dan Pulau Jawa. Tidak diragukan bahawa orang-orang Arab telah mengenal kerajaan itu dan kerap kali mengunjunginya. Bahkan boleh dipercayai bahawa mereka telah mengunjungi seluruh kepulauan Melayu, sebab mereka kita telah mengenal pala dan rempah-rempat, terutamanya yang terdapat di Nusantara.

Apa yang diceritakan oleh "Madusi" (seorang pengembara Islam) berkenaan sejenis haiwan yang pernah dilihatnya, sangat menarik perhatian. Haiwan itu yang sebenarnya ialah kanggaru. Jika cerita itu benar maka dengannya kita pertama kali mendengar keterangan tentang benua Australia.

Orang-orang Arab telah memperluaskan pengetahuan manusia tentang benua Afrika. Terutama banyak keterangan-keterangan yang mereka telah berikan mengenai penti Timur Afrika, iaitu daerah

yang sangat mustahak bagi ahli-ahli perniagaan.

Dari "peta dunia al-Idrisi" yang dibuatnya kira-kira pada tahun 1154 Masihi. Dapatlah dibayangkan betapa luas pandangan bangsa Arab di atas dunia ini. Hanya benua Amerika dan Australia sahaja tidak kelihatan dalam peta itu, dalam pada itu dipercayai bahawa mereka telah mengunjungi kedua-dua benua itu. Harus kerana mereka belum cukup mengenalnya maka tak dapat mereka menggambarkannya di dalam peta.

Meninjau Balik

Mari kita meninjau Balik kemajuan yang telah dibuat oleh bangsa Arab (beserta dengan orang-orang Islam dari berbagai-bagai bangsa) Dalam lapangan jiwa geografi bagi menilai jasa-jasa mereka terhadap pengetahuan alam bumi. Sengaja kita mulai dari manusia zaman Farab dan apa yang telah mereka ketahui. Kita lakukan ini terutama untuk memperoleh gambaran yang sejelas-jelasnya tentang kemajuan-kemajuan yang telah dicapai.

Jika pengetahuan mengenai dunia dari orang-orang zaman dahulu kita bandingkan dengan pengetahuan dari orang-orang zaman pertengahan terdapatlah perbezaan seperti malam dan siang. Memang benarlah adanya bahawa dunia lama lebih banyak menghasilkan perkara-perkara yang lebih bersifat tetap dan bernilai daripada yang dihasilkan oleh bangsa Arab. Sesungguhnya, dengan jasa Hippocrates orang Greek-mula tercipta ilmu hisab, tetapi dalam pada itu masih banyak hal-hal penting yang terdapat diabaikan oleh suatu bangsa dan oleh suatu masyarakat, dan satu di antaranya ialah pengetahuannya tentang dunia. Bagi ilmu ini (ilmu alam) maka bangsa Arablah yang mengusahakannya.

Kepada pengembara-pengembara yang berani dan teguh hati itulah kita berterima kasih atas harta-harta kebudayaan yang kita perlulah dengan perantaraannya, kata M. J. Boemer sebagai penutup.